

11 AUG 1996
Gerakan-Kong
KONG HONG MING MUNGKIN DISINGKIR

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Pusat (CC) parti Gerakan hari ini mengambil keputusan mengenai tindakan yang akan diambil terhadap pengerusi sementara Gerakan Sabah Datuk Kong Hong Ming kerana tidak mengundi menyokong pindaan Enakmen Perhutanan dalam Dewan Undangan Negeri Sabah pada 17 Jun lepas.

Tetapi presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu hari ini di ibu pejabat parti di sini, enggan menyatakan bentuk tindakan itu.

Bagaimanapun, satu sumber parti itu memberitahu, CC, yang merupakan badan pembuat keputusan tertinggi parti itu, membuat keputusan menyingkir Kong tetapi tidak mahu membuat pengumuman sekarang kerana ingin memberi masa kepada Kong meletakkan jawatan "supaya dia boleh meninggalkan parti secara hormat dan bukan tunggu sehingga disingkir".

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Dr Lim berkata beliau akan membuat pengumuman mengenai keputusan itu hari Rabu ini selepas memberi taklimat kepada jawatankuasa sementara Gerakan Sabah.

"Keputusan ini dibuat setelah menerima jawapan Kong kepada surat tunjuk sebab mengapa dia tidak boleh disingkirkan dari parti," kata beliau.

Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan (CWC), iaitu badan disiplin parti, telah menggantung keanggotaan Kong pada 14 Julai lepas. Surat tunjuk sebab dikeluarkan kepada beliau dan diberi seminggu untuk memberi jawapan.

Kong, yang juga anggota Dewan Negeri bagi kawasan Kudat dan bekas Menteri Perkhidmatan Sosial Sabah, juga tidak menghadiri diri semasa pengundian empat lagi rang undang-undang yang ke semuanya bertujuan menghadkan kuasa Ketua Menteri.

Kong dikritik pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) kerana tidak menyokong pindaan-pindaan itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi BN, berkata Kong sepatutnya mengundur diri atau menukar pendiriannya.

Isnin lepas Kong berkata terpulang kepada CC untuk menentukan nasibnya.

Anggota Dewan Negeri Sabah dari parti Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu yang dilantik, Jahid Jahim, disingkir oleh partinya kerana mengundi menentang pindaan undang-undang perhutanan itu.

Dr Lim berkata beliau tidak mahu mengumumkan keputusan mengenai bentuk tindakan ke atas Kong itu kerana menghormati jawatankuasa sementara Gerakan Sabah.

Ditanya sama ada keputusan itu akan "memuaskan hati" BN, Dr Lim berkata: "Ini perkara disiplin dalaman parti semata-mata. Kami membuat keputusan secara beransur-ansur dan bukan dengan tergesa-gesa."

Bagaimanapun, beliau mengaku keputusan itu sepatutnya dibuat terlebih awal.

Dr Lim berkata mesyuarat CC itu juga mengambil keputusan menyokong timbalan pengerusi jawatankuasa sementara Gerakan Sabah, Dr Chong Eng Leong mengambil alih tempat Kong sebagai pengerusi.

Beliau berkata atas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Persidangan Perwakilan Gerakan yang dijadualkan pada 14 dan 15 Sept, ditunda kepada 5 dan 6 Okt. -- BERNAMA

ES WAT AHH